

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

KAJIAN TERHADAP PERMASALAHAN YANG DIHADAPI GURU-  
GURU MUZIK BARU DI SEKOLAH SEKITAR LEMBAH KLANG

CADANGAN KAJIAN BAGI MEMENUHI SYARAT BAGI IJAZAH  
SARJANA MUDA PENDIDIKAN SENI MUZIK (KEPUJIAN)

FAKULTI PENDIDIKAN

DISEDIAKAN OLEH  
NORLINA BTE ABD RAZAMAN  
2000208558  
SHAH ALAM  
SESSI JUN 2000

## PENGHARGAAN

Alhamdullilah dengan keizinan Allah s.w.t penulisan tesis ini dapat diselesaikan. Hasil penulisan tesis ini ditujukan khas untuk kedua ibubapa saya yang banyak berkorban demi kejayaan saya. Sejuta penghargaan diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Ramona Mohd Tahir selaku penasihat penulisan tesis ini. Tidak lupa juga kepada Prof. Madya Dr. Shahanum Mohd Shah yang banyak membantu di dalam penulisan tesis ini. Segala tunjuk ajar serta bimbingan tidak dapat dibalas dengan kata-kata. Juga tidak dilupakan kepada teman-teman seperjuangan yang banyak membantu dan berkongsi pengalaman dalam menyiapkan tesis ini. Berbanyak terima kasih juga diucapkan kepada keenam-enam subjek yang telah membantu saya dalam mendapatkan hasil kajian.

## **ISI KANDUNGAN**

PENGHARGAAN.....	i
<b>Bab 1. PENGENALAN</b>	
Latar belakang.....	1
Tujuan.....	4
Kaedah.....	5
Skop kajian.....	6
Organisasi.....	6
<b>Bab 2. HURAIAN LITARATUR</b>	
Masalah yang biasa dihadapi.....	8
Pembentukkan personaliti seorang guru.....	11
<b>Bab 3. HASIL SOAL SELIDIK</b>	
Huraian soal selidik.....	15
<b>Bab 4. SINTESIS MAKLUMAT</b>	
<b>Bab 5. KESIMPULAN</b>	
Lampiran.....	35
Bibliografi.....	38

## BAB 1

### PENGENALAN

#### Latarbelakang

Selaras dengan kemajuan negara Malaysia sebagai negara yang baru merdeka pada tahun 1960-an, pendidikan muzik telah mula diperkenalkan di sekolah. Kewujudan muzik di sekolah-sekolah adalah selaras dengan perkembangan yang berlaku ke atas status ekonomi penduduk tempatan pada masa itu. Rakyat mula mempertimbangkan serta berfikir tentang kepentingan menjadikan muzik sebagai satu mata pelajaran wajib di sekolah (Johami Abdullah, 1997). Kesan daripada kesedaran itu maka pendidikan muzik telah dijadikan satu mata pelajaran pilihan dalam peperiksaan SRP pada tahun 1972. Walau bagaimanapun perkembangan ini tidak melibatkan semua sekolah. Sekolah yang telibat hanya sekolah-sekolah di kawasan bandar sahaja. Ekoran dari kemasukan mata pelajaran muzik ke dalam peperiksaan SRP, Maktab Perguruan Ilmu Khas (MPIK) telah mengambil langkah menubuhkan jabatan muzik di mana tujuannya adalah untuk melatih guru-guru pendidikan muzik yang akan dapat memenuhi keperluan bagi guru-guru muzik yang berkemahiran dan berkelayakkan. Hasil dari penubuhan jabatan tersebut pada tahun 1971, kebanyakkan guru-guru lepasan MPIK telah menjadi guru beredar di beberapa buah sekolah di dalam dan di luar bandar serta di merata tanahair.

Pada tahun 1979, jawatankuasa kabinet telah memutuskan untuk menjadikan muzik sebagai mata pelajaran wajib bagi semua pelajar peringkat sekolah rendah (Johami Abdullah, 1997). Bagi menyediakan tenaga pengajar dalam bidang muzik peringkat KBSR, hampir 3000 guru terlatih dalam bidang lain dikehendaki mengikuti kursus muzik semasa cuti penggal. Kursus ini telah dijalankan di beberapa Maktab di seluruh Malaysia di antara tahun 1982 hingga 1985. Program ini telah berjaya menghasilkan beribu-ribu guru dalam jangka masa yang singkat. Walau bagaimanapun ada di kalangan guru-guru tersebut tidak mempunyai pengetahuan asas dalam bidang muzik. Rancangan ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada pengajaran mata pelajaran muzik dari segi mutu pendidikan muzik, kerana mata pelajaran muzik sangat memerlukan guru yang berkemahiran dalam muzik untuk mengajar.

Satu sukatan mata pelajaran muzik telah digubal oleh pusat perkembangan kurikulum pada tahun 1988 untuk peringkat sekolah menengah iaitu tingkatan 4 dan 5. Penggubalan ini adalah kerana sokongan orang ramai yang menyatakan perlunya diwujudkan kesinambungan mata pelajaran muzik di peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat sekolah menengah. Ekoran itu satu kurikulum pendidikan muzik KBSPM telah dirangka untuk program “projek”. Kurikulum ini dilaksanakan oleh 20 buah sekolah “projek” pada tahun 1996 di peringkat menengah rendah sebagai mata pelajaran wajib. Pada tahun 1996, program ini telah dilanjutkan ke peringkat menengah atas sebagai mata pelajaran elektif. Bermula pada tahun 2000, peperiksaan di peringkat SPM untuk mata pelajaran muzik telah diperkenalkan. Kesemua sekolah yang dipilih telah diberi bantuan penuh oleh kerajaan sebanyak RM 100,000 setiap satunya termasuklah dengan pembelian alat muzik serta penyediaan bilik muzik khas yang dilengkapi dengan